

MALAY-BUGIS IN THE POLITICAL HISTORY OF JOHOR – RIAU AND RIAU – LINGGA KINGDOMS

Dedi Zuraidi

Sekolah Tinggi Ilmu Sosial dan Ilmu Politik Raja Haji Tanjungpinang, Riau
dedi.zuraidi@gmail.com

Abstract

Johor-Riau Kingdom was established soon after the fall of Malacca kingdom by the Portuguese power in 1511. The area of Johor-Riau kingdom covered Pahang-Johor (Malaysia), Singapore and Riau islands province (Indonesia). The kingdom was owned and governed by Malay in its tradition. There had been many internal and external conflict occurred in the kingdom. In 1722 there was an internal conflict occurred which had given an opportunity to Bugis involved in the conflict and governed the kingdom through an agreement. Bugis was given a new formed position in Johor-Riau namely “Yang Dipertuan Muda/ YDPM” (viceroy) to help “Yang Dipertuan Besar” (the sultan) in governing the kingdom which later became dominant. This domination always became the source of conflict between Malay and Bugis in the kingdom. The mix marriage among Malay and Bugis at the palace level had always been the way to solve the conflict and tied the relation between Malay and Bugis families. The involvement of Netherland India Government and British Government had separated Johor-Riau into two kingdoms namely Johor-Singapore and Riau-Lingga in 1819 which then followed by the treaty of London in 1824. It was the end of Bugis involvement in Johor-Singapore kingdom but not in Riau-Lingga kingdom. The deposition of Sultan Mahmud IV in 1857 was caused by conflict in appointing of new viceroy. In 1883 Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah II passed away and replaced by the son of Raja Muhammad Yusuf who became the viceroy at that time. In patrilineal Malay cultural perspective this appointment was the end of Malay power in the kingdom and after the death of viceroy in 1899 Sultan Abdul Rahman Muazam Syah II governed the kingdom without the viceroy for about 12 years. In 1911, sultan was deposed and the kingdom was abolished by the Netherland India Government.

Keywords: Malay-Bugis, political history, Johor-Riau-Lingga kingdoms

A. Pendahuluan

Kerajaan Johor-Riau merupakan kerajaan Melayu yang muncul setelah kejatuhan kerajaan Malaka. Wilayah kerajaan Melayu Johor-Riau meliputi kawasan selatan semenanjung tanah Melayu (Pahang dan Johor) serta beberapa kepulauan di ujung selatannya seperti Singapura, dan kepulauan Riau-Lingga (sekarang-wilayah Provinsi Kepulauan Riau). Kerajaan Melayu Riau-Lingg berkembang dengan sistem politik-pemerintahan Melayu dengan sultan sebagai pemegang kuasa politik pemerintahan tertinggi dalam kerajaan. Konflik internal kerajaan telah membuka pintu

bagi masuknya pengaruh Bugis¹ untuk terlibat dalam konflik dan pada akhirnya menjadi sangat dominan dalam politik – pemerintahan kerajaan Johor-Riau. Hal ini telah mengubah pola politik-pemerintahan dalam kerajaan Melayu Johor-Riau ditandai dengan terbentuknya satu jabatan Yang Dipertuan Muda (YDPM) sebagai satu jabatan baru dalam pemerintahan kerajaan Johor-Riau yang mana jabatan ini khususkan untuk pihak Bugis dan keturunannya saja sedangkan jabatan sultan tetap untuk pihak Melayu.

Masuknya pihak Bugis dengan menduduki jabatan YDPM dalam politik-pemerintahan kerajaan Melayu Johor-Riau berawal dari perjanjian yang diikat dengan sumpah setia antara pihak Melayu dan Bugis dalam kerajaan. Namun, dalam perjalanannya terjadi konflik-kinflik antara pihak Melayu (Sultan) dengan pihak (Bugis) dalam politik-pemerintahannya. Perkawinan campuran antara kedua belah pihak sering dilakukan untuk tujuan meredam konflik dan mempererat hubungan kedua belah pihak. Dominasi kuasa asing (Belanda dan Inggris) telah memecahkan kerajaan Johor-Riau menjadi kerajaan Johor-Singapura (Sutan Husin Syah-tanpa jabatan YDPM) dibawah pengaruh Inggris dan kerajaan Riau-Lingga (Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah I-dengan tetap ada jabatan YDPM) dibawah pengaruh Belanda. Dalam perjalanan kerajaan Riau-Lingga, konflik antara pihak sultan dan YDPM sering terjadi dimana Belanda jug terlibat di dalamnya. Pada tahun 1883 jabatan sultan di duduki oleh anak YDPM-Bugis, dari perspektif budaya Melayu yang patrilineal hal ini menunjukkan bahwa kerajaan Melayu Riau-Lingga telah dikuasai pihak Bugis secara total. Ketika YDPM mangkat pada 1899, tiada pengangkatan YDPM yang baru sehingga sultan memerintah secara tunggal (tanpa YDPM). Pada tahun 1911 Sultan dimakzulkan Belanda dan kerajaan di kuasai sepenuhnya oleh Belanda. Menarik untuk disimak bagai mana sumpah setia dan konflik antara pihak Melayu dan Bugis dalam politik-pemerintahan. Perkawinan campuran merupakan cara yang cukup efektif dalam meredam konflik dan mempererat hubungan kedua belah pihak. Hubungan ini secara perlahan menempatkan Bugis pada posisi Sultan dalam kerajaan Melayu Riau-Lingga.

B. Kerajaan Johor – Riau

Kerajaan Johor-Riau Muncul ditengah gejolak politik dan perebutan kawasan perdagangan di kawasan Selat Malaka. Kerajaan Johor-Riau wujud sebagai pewaris kerajaanan Malaka yang telah ditakluk Portugis. Kerajaan Johor-Riau mengalami berbagai gejolak dan perjuangan yang hebat bagi mempertahankan kewujudannya. Kerajaan Johor-Riau telah membuktikan kekuatannya menentang serangan Portugis dan Aceh disepanjang abad ke-16 dan pada awal abad ke-17 melahirkan pandangan bahawa Johor-Riau merupakan kerajaan Melayu yang tidak mudah menyerah. Portugis telah menyerang Johor-Riau Pada tahun 1581, 1520, 1521, 1523, 1524, 1526, 1535, 1536 dan 1587. Kerajaan Aceh pernah menyerang Johor-Riau pada tahun 1564, 1570, 1582,1613, 1618 dan 1623.² Walaupun mendapat serangan yang tiada hentinya namun Johor-Riau telah membuktikan ketahanannya hingga mencapai puncak kegemilangan sebagai pusat perdagangan pada awal abad ke-18. Namun, keadaan kestabilan politik dalam istana kerajaan Johor-Riau tidak berlangsung lama, manakala pada tahun 1666

¹ Bugis lima bersaudara (Daeng Marewah, Daenga Chelak, Daeng Manambun, Daeng Perani, Daeng Kemasi). Mereka mengembara ke wilayah selatan semenanjung tanah Melayu dari kepulauan Sulawesi.

² Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728 Pembangunan Ekonomi dan Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1987, hlm.. 31.

telah berlaku pergolakan politik dalam istana yang memberi dampak yang besar dalam perjalanan kerajaan pada tahun-tahun berikutnya.

Keadaan politik dalam kerajaan Johor-Riau pada tahun 1699 sangat tidak stabil.³ Hal ini berpunca dari pembunuhan Sultan Mahmud oleh Datuk Laksemama Megat Sri Rama.⁴ Setelah pembunuhan itu maka Bendahara Tun Abdul Jalil menduduki takhta kerajaan Johor dengan gelar Sultan Abdul Jalil Syah. Pada tahun 1718 situasi politik kerajaan Johor-Riau kembali mengalami pergilakan. Munculnya Raja kecil⁵ yang mengaku dirinya adalah pewaris kerajaan Johor-Riau. Angkatan perang Raja Kecil telah mengalahkan tentara kerajaan Johor-Riau dan menyebabkan Sultan Abdul Jalil Syah turun takhta dan terbunuh⁶ dan Raja Kecil menjadi sultan Johor-Riau. Pada tahun 1819 persaingan antara Inggris dan Belanda semakin dominan untuk menguasai kerajaan dalam bidang ekonomi, politik – pemerintahan telah menyebabkan kerajaan Johor-Riau terpecah dua, yakni kerajaan Johor-Singapura (sultan Husin Syah) dibawah pengaruh Inggris dan kerajaan Riau-Lingga (Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah II) dibawah pengaruh Belanda.

C. Kerajaan Johor-Riau Setelah Keterlibatan Bugis (Muncul Jabatan Yang Dipertuan Muda - YDPM)

Kepulauan Celebes yang hari ini lebih dikenal dengan nama Sulawesi merupakan tempat asal suku Bugis di Asia Tenggara. Kedatangan Bugis ke berbagai wilayah kepulauan Nusantara telah melalui proses yang panjang, sehingga banyak sekali suku Bugis yang hari ini bermukim dibanyak wilayah di luar wilayah Kepulauan Sulawesi. Dalam perjalanannya, Bugis banyak memberi warna dalam rentak kehidupan politik dan perdagangan kerajaan-kerajaan di Semenanjung Tanah Melayu dan kerajaan – kerajaan di kepulauan sekitarnya.

Bugis yang mendarat di Semenanjung Tanah Melayu dan berbagai kepulauan di sekitarnya berasal dari negeri Luwuk. Raja Luwuk yang bernama Lamadusalad

³ Pertikaian politik dalam kerajaan Johor-Riau terjadi sejak zaman Tun Abdul Jalil menjadi sultan. Baginda diketahui tidak mendapat dukungan dari pembesar-pembesar kerajaan, rakyat dan orang laut. Hal ini diikuti dengan berbagai peristiwa pemberontakan yang terjadi di wilayah Selangor, Klang, dan di Johor sebagai ibukota kerajaan. Lihat L.Y Andaya, *kerajaan Johor 1641-1728, Pembangunan ekonomi dan politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 304. Gejolak politik itu terjadi tidak hanya dalam kalangan istana kerajaan tetapi juga sampai ke kalangan rakyat. Johor menjadi sangat lemah dalam hal pertahanan laut ketika orang-orang laut tidak lagi setia kepada Johor kerana mereka sangat marah atas pembunuhan Sultan Mahmud. Lihat Radin M. Fernando, *Mencari Kestabilan dan Pemeliharaan, 1511-1824* dalam Abdul Rahman Haji Ismail, *Malaysia Sejarah Kenegaraan dan Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007, hlm. 145.

⁴ Laksemama Megat Sri Rama membunuh Sultan Mahmud kerana dendam atas kematian istrinya yang dibunuh oleh Sultan Mahmud kerana makan seulas nangka yang hendak diberikan kepada Sultan. Sultan dimakamkan di Kota Tinggi. Megat Sri Rama mendapat sokongan dari bendahara dan orang-orang kaya Johor dalam tindakannya membunuh Sultan Mahmud. Lihat Mardiana Nurdin, *Politik Kerajaan Johor*, Johor: Yayasan Warisan Johor, hlm. 20-21.

⁵ Asal-usul Raja Kecil ini belum bisa dipastikan. Beliau disebut berketurunan minangkabau dan mengaku dirinya sebagai putra Sultan Mahmud Syah II. Namun banyak sumber yang mengatakan ibunya bernama Che Pong, anak Laksemama Johor yang mempunyai hubungan erat dengan kerajaan Pagar Ruyung. Lihat Mardiana Nurdin, *Politik Kerajaan Johor*, Johor: Yayasan Warisan Johor, hlm. 22.

⁶ Pembunuhan Sultan Abdul Jalil ini dilakukan oleh Hulubalang-Hulubalang Nakhoda Sekam atas perintah Raja Kecil semasa dalam perjalanan dari Pahang ke Johor. Lihat *ibid.* hlm.23. untuk peperangan Raja Kecil dengan tentera Bugis lihat, Mohd. Yusuf MD. Noor, *Salasilah Melayu dan Bugis*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1984, hlm. 127-178.

merupakan keturunan dari Sawerigading dan Siti Malangai. Lamadusalad merupakan Raja Bugis yang mula-mula masuk Islam yang mempunyai tiga orang anak lelaki: Opu Pajung, Opu Tanderi Burong Daeng Rilaka dan Opu Daeng Biasa. Keturunan dari Opu Tanderi Daeng Rilaka inilah yang selanjutnya meyinggahi dan menyebar di Semenanjung Tanah Melayu dan di berbagai kepulauan sekitarnya. Opu Daeng Rilaka bersama kelima anak laki-lakinya mengembara ke sebelah barat Kepulauan Sulawesi yang selanjutnya kebanyakan anak cucunya menduduki jabatan penting dalam kerajaan di pulau Kalimantan seperti Mempawah, Matan, Pontianak dan Sambas serta di Johor, Riau-Lingga, Selangor, Siak dan Singapura.⁷

Politik kerajaan Johor-Riau pada awal abad ke-18 semakin tidak stabil. Munculnya Raja Kecil yang mengaku sebagai anak dari Sultan Mahmud dan berhak atas takhta kerajaan Johor-Riau menyerang kerajaan tersebut dan membunuh Sultan Abdul Jalil yang sedang berkuasa saat itu. Raja Sulaiman menyaksikan pembunuhan ayahandanya oleh Raja Kecil. Perasaan dendam atas kematian ayahandanya dan keinginan untuk merebut kembali takhta kerajaan Johor-Riau dari kekuasaan Raja Kecil memaksa Raja Sulaiman meminta bantuan Bugis lima bersaudara⁸ yang sedang berada di Selangor. Permintaan bantuan kepada Bugis lima bersaudara ini telah melahirkan satu perjanjian baru yang mengubah arah dan rentak politik pemerintahan kerajaan Johor-Riau. Keterlibatan Bugis lima bersaudara dan pasukan perangnya merupakan pintu masuk pengaruh Bugis dalam kekuasaan Melayu dengan wujudnya jabatan Yang Dipertuan Muda (YDPM) dalam kerajaan Melayu Johor-Riau. Usaha yang dilakukan oleh Raja Sulaiman dalam mendapatkan bantuan Bugis untuk merebut takhta kerajaan Johor-Riau tergambar dalam kutipan berikut:

Maka apabila sampai ke Riau berjumpa dengan Raja Sulaiman. Maka Raja Sulaiman pun minta tolong ambikan kerajaannya daripada Raja Kecil, lalu membuat perjanjian antara kedua pihak, iaitu jika raja Kecil kalah maka Raja Sulaiman jadi Yamtuan Besar. Opu yang berlima itu, salah satunya jadi Yamtuan Muda selama-lamanya, turun temurun sampai keanak cucu. Janjinya “Barang siapa mungkir, dibinasakan Allah ta’ala dan lagi, memerintah kerajaan Johor, Riau dengan segala daerah takluknya Yang Dipertuan Mudalah yang empunya kuasa.” Syahdan, apabila sudah selesai sumpah perjanjian itu, maka Opu yang berlima pun menyiapkan penjabanya. Apabila sudah siap lalulah ia melanggar Raja Kecil, maka raja kecil pun alahlah, lalulah didapatinya segala kerajaan Johor itu. Maka dibawanya ke Riau, lalulahdi lantiknya Raja Sulaiman, bergelar Sultan Sualiman Badrul Alamsyah; dan Sultan Sulaiman Melantik Opu Daeng Marewah menjadi Yang Dipertuan Muda, dan Daeng Celakpun dinikahkan dengan saudaranya yang muda bernama Tengku Puan nama timang-timangnya Tengku Mandak.⁹

Syair Permata Melayu yang Hilang,¹⁰ menceritakan imbalan jabatan yang diminta oleh pihak Opu-Opu Bugis sebelum membantu Raja Sulaiman dalam merebut kembali takhta kerajaan Johor –Riau dari kuasa Raja Kecil.

⁷ A.Samad Ahmad, *Kerajaan Johor Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hlm. 1.

⁸ Daeng Marewah, Daeng Chelak, Daeng Perani, Daeng Manambun, Daeng Kemasi

⁹ A.Samad Ahmad, *Kerajaan Johor Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hlm. 5.

¹⁰ Tun Suzana Tun HJ Othman, *Institusi Bendahara: Permata Melayu yang Hilang*, Kuala Lumpur: Pustaka BSM Ent, 2002.

Raja Sulaiman, mendapat fikiran,
Opu bersaudara, diberi jemputan,
Ambil kembali, Johor yang ditawan,
Raja Kecil, harap usirkan.

Opu berlima, saudara sedarah,
Handal berkeris, amat terserlah,
Hulubalang setia, lalu dikerah,
Raja Kecil, mesti disesah.

Walau begitu, Opu bersyarat,
Sebelum berjuang, janji diikat,
Jika menangnya, diberi daulat,
Berkongsi kuasa, jangan disekat.

Opu Bugis, Menambah lagi,
Harap fikirkan, supaya tak rugi,
Jika berkuasa, dialah laki,
Duli Pertuan, menjadi bini.

Sejak awal kedatangan orang-orang Bugis di Semenanjung Tanah Melayu, mereka singgah dan menetap di Klang dan Selangor. Mereka terus berusaha untuk mendapatkan tempat yang lebih baik untuk mengekalkan kedudukan mereka dikawasan ini. Oleh karena itu, tawaran yang diajukan oleh Raja Sulaiman telah mereka manfaatkan dengan sebaik-baiknya. Daeng Bugis bersaudara telah meletakkan syarat dan menginginkan kuasa yang besar dalam istana apabila perjuangan merebut Johor-Riau berhasil mereka lakukan. Kerana dendam dan keinginan untuk menjadi sulatan Johor-Riau yang begitu besar maka Raja Sulaiman menyetujui persyaratan tersebut walaupun ia harus berbagi kuasa dengan pihak Bugis dalam memerintah kerajaan Johor-Riau.

D. Sumpah Setia dan Konflik Melayu–Bugis dalam Politik Kerajaan Johor-Riau dan Riau-Lingga

1. Persetiaan Melayu–Bugis

Kemenangan Raja Sulaiman atas bantuan lima Bugis bersaudara telah mengantarkan baginda menduduki takhta kerajaan sebagai sultan namun Raja Sulaiman terpaksa harus mengorbankan kuasa pemerintahan kerajaan Johor-Riau dengan memberi kuasa yang sangat besar kepada kalangan Bugis iaitu jabatan Yang Dipertuan Muda (YDPM). Hubungan ini melahirkan suatu corak politik baru dalam perjalanan pemerintahan kerajaan Johor-Riau. *Tuhfat Al- Nafis* menyebutkan setelah pelantikan Daeng Marewah sebagai YDPM yang pertama, maka pihak Melayu dan pihak Bugis dalam istana kerajaan membuat sumpah setia. Janji sumpah setia antara Melayu-Bugis diucapkan setelah pelantikan YDPM yang pertama tahun 1722. Janji sumpah setia ini menyebut bahwa kedua belah pihak mengaku bersaudara dan bergabung di dalam satu kerajaan. Janji sumpah setia yang kedua terjadi pada tahun 1141 Hijrah (1728 Masihi) iaitu selepas pelantikan Daeng Chelak sebagai YDM kedua. Janji sumpah setia ini menyebut,

”...Tuan kepada Bugis melainkan tuanlah kepada Melayu dan jikalau tuan kepada Melayu melainkan tuanlah kepada Bugis itu dan jikalau musuh kepada Bugis

melainkan musuhlah kepada Melayu dan jikalau musuh kepada Melayu melainkan musuhlah kepada Bugis itu”.¹¹

Beberapa persetujuan juga dilakukan pada tahun-tahun berikutnya apabila terjadi perselisihan yang sangat serius antara pihak Melayu dan Bugis dalam memerintah kerajaan Johor-Riau.

2. Konflik Melayu–Bugis

Jabatan Yang Dipertuan Muda dalam Politik kerajaan Johor-Riau merupakan jabatan baru yang terwujud dari perjanjian antara Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah dengan Yang Dipertuan Muda Johor-Riau yang pertama Daeng Marewa yang mengikat hingga ke anak cucu selama-lamanya. Jabatan Yang Dipertuan Muda ini merupakan jabatan yang memiliki kekuasaan yang sangat besar dalam menentukan kebijakan. Tingginya jabatan YDPM bisa disandingkan dengan ketinggian kedudukan seorang Sultan dalam kerajaan Melayu. Untuk menduduki jabatan YDPM kemegahan dan khidmatnya upacara pelantikan sama dengan pelantikan seorang sultan. Kewenangan Yang Dipertuan Muda untuk melantik sultan menunjukkan kewenangan akan sebuah legitimasi yang sangat tinggi sehingga bisa mendaulatkan/memberi legitimasi kepada seorang sultan memerintah kerajaan. Hal ini seperti yang digambarkan dalam tulisan berikut;

Apabila adalah seorang daripada raja yang berempat (raja, bendahara, temenggung dan raja muda) itu yang patut menerima pusaknya, maka diangkatnyalah setengah daripada setengahnya. Adapun seperti marhum Sultan Sulaiman maka ia diangkat dan dilantik oleh YDPM di dalam Riau. Adalah Sultan Sulaiman Badarul Alamsyah itulah pertama-tama raja Melayu yang mula-mula diangkat oleh YDPM asalnya raja Bugis. Demikianlah lagi Sultan Mahmud diangkat digelar oleh YDPM marhum Janggut di Riau. Dan lagi marhum Sultan Abdul Rahman digelar diangkat dijadikan raja oleh YDPM Raja Jaafar. Kemudian maka dilantik sekali lagi di Riau oleh YDPM Raja Jaafar serta dengan seorang wakil dari Gabenor Jenderal Betawi yang bernama Schoutbijnacht iaitu Raja Laut. Demikianlah lagi puteranya Sultan Muhammad dinaikkan raja oleh segala orang-orang serta anak raja-raja sekalian adanya.¹²

Demikian juga halnya jabatan Yang Dipertuan Muda, ia harus dilantik oleh Sultan. Pelantikan ini dilakukan untuk memberikan kewenangan dan legitimasi kepada Yang Dipertuan Muda yang selanjutnya diakui dan dipatuhi oleh kalangan rakyat dalam kerajaan Johor-Riau. Pelantikan ini juga memberikan legitimasi yang diakui oleh kerajaan-kerajaan lain serta pihak Belanda maupun Inggris. Pelantikan YDPM seperti yang dijelaskan berikut ini:

Adapun YDPM: pertama-tama YDPM Daeng Marewa iaitu Kelana Jaya Putera, maka dilantik oleh Marhum Sultan Sulaiman. Dan Marhum YDPM Raja Haji iaitu mangkat di Teluk Ketapang yang bergelar Pengiran Sultan Wijaya, maka dilantik dan dizahirkan namanya di negeri Pahang, takkala ia balik dari perang, mengalahkan negeri Sanggau dan Mempawah. Dan Marhum YDPM Raja Ali dilantik digelar dengan mufakat segala anak raja-raja dan orang banyak.¹³

¹¹ Mardiana Nurdin, *Politik Kerajaan Johor*, Johor: Yayasan Warisan Johor, 2008, hlm.176.

¹² Mardiana Nurdin, *Politik Kerajaan Johor*, Johor: Yayasan Warisan Johor, 2008, hlm. 141-142.

¹³ *ibid*, hlm. 142.

Masuknya Bugis dalam politik pemerintahan kerajaan Johor-Riau secara nyata telah membuka peluang yang besar bagi kaum Bugis untuk mengekalkan kedudukan dan kekuasaan dalam kerajaan. Diawal perjanjian ini, pihak Bugis telah menempatkan diri sebagai penguasa kerajaan yang sekaligus akan berbakti kepada sultan. seperti yang ditulis dalam *Tuhfat*, Tidak berapa lama setelah pelantikan Daeng Marewa (Yang Dipertuan Muda Johor-Riau ke-1) :

“Lihatkan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah, akulah Yang Dipertuan Muda yang memerintahkan kerajaanmu. Barang yang tiada suka engkau membujur dihadapanmu aku lintangkan, dan barang yang tiada suka pada hadapanmu melintang aku bujukan. Barang yang semak berduri dihadapanmu, aku cucikan.”¹⁴

Namun pada kenyataannya, hubungan politik dan hubungan keluarga Melayu-Bugis dalam istana tidaklah berjalan mulus seperti awal sumpah setia diucapkan. Perjalanan politik pemerintahan kerajaan yang semakin didominasi oleh Yang Dipertuan Muda telah menyebabkan kuasa pihak Melayu dalam kerajaan menjadi semakin lemah. Hubungan politik dan perdagangan dengan kerajaan-kerajaan disekitarnya serta dengan Belanda lebih banyak ditentukan oleh Yang Dipertuan Muda. Keadaan yang demikian menimbulkan perasaan yang tidak puas hati dari kalangan pembesar Melayu. Sikap sultan yang tidak tegas dan terkesan takut pada kuasa Yang Dipertuan Muda semakin memperburuk keadaan. Hal ini tergambar dalam tulisan berikut;

Pengaruh Bugis dalam urusan kerajaan Johor mencapai kemuncaknya dengan kematian Sultan Sulaiman pada bulan Ogos 1760. Dalam hubungan dengan Bugis, tindak tanduk sultan sulaiman tidak jelas; beliau takut untuk membantah kehendak orang Bugis tetapi dalam masa yang sama beliau enggan memberi sokongan penuh kepada golongan bangsawan Melayu yang diketuai oleh Sultan Mansyur Syah Trengganu yang telah beberapa tahun menerajui penentangan orang Melayu terhadap peningkatan kuasa Bugis di Johor.¹⁵

Usaha Bugis untuk mendominasi politik melalui peran Yang Dipertuan Muda sangat jeli dalam melihat perkembangan situasi dan memiliki strategi politik yang tepat dalam menguasai perubahan-perubahan yang terjadi di kerajaan. Pelantikan sultan yang masih kanak-kanak merupakan usaha yang sering dilakukan walaupun hal ini selalu ditentang oleh pembesar-pembesar dari keluarga Melayu karena semakin memberikan kesempatan kepada pihak keluarga Bugis melalui Yang Dipertuan Muda untuk memimpin dan mengendalikan kebijakan kerajaan sepenuhnya dengan alasan sultan masih kanak-kanak. Golongan pembesar Melayu seakan tidak bisa berbuat banyak untuk mengatasi keadaan tersebut. Keadaan yang demikian itu tergambar dalam tulisan berikut;

Raja Haji anak saudara Daeng Kemboja dan pemimpin yang berkharia telah tiba di Riau dengan angkatannya, lalu meningkatkan ketegangan diantara orang Melayu dan orang Bugis. Keadaan semakin buruk apabila Sultan Sulaiman mangkat, dan tidak berapa lama kemudian anaknadinya Raja di Baruh yang pergi menjemput Daeng Kemboja juga mangkat di Selangor. Daeng Kemboja tidak menghadapi

¹⁴ *Tuhfat Al-Nafis*, Naskah Terengganu, hlm. 49.

¹⁵ Radin M. Fernando, *Mencari Kestabilan dan Pemeliharaan 1511-1824* dalam Abdul Rahman Haji Ismail, *Malaysia Sejarah Kenegaraan dan Politik.*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007, hlm. 154.

kesukaran untuk menabalkan cucu Sultan Sulaiman, Raja Ahmad yang masih bayi sebagai sultan, dan beliau sendiri sebagai pemengku raja. Tidak lama kemudian sultan yang masih muda itu juga mangkat dan Daeng Kemboja segera menabalkan adik Sultan Ahmad iaitu Raja Mahmud, lalu melumpuhkan pihak Melayu yang bersaing. Setelah percoabaan mereka sekali lagi untuk merampas kuasa gagal, golongan orang Melayu tiada pilihan.¹⁶

Dari segi kehidupan sosial dan politik, orang Bugis perantauan telah menerapkan suatu pola dan konsep yang mementingkan keberlangsungan kehidupan sosial dan akan melakukan apa saja untuk mempertahankan dan menjamin keberlangsungan kehidupan kelompok mereka. Orang Bugis yang hidup dalam pengembaraan, memahami makna kebersamaan dan gotong royong sesama mereka. Keberadaan mereka dikawasan ini akan dengan mudah disingkirkan manakala mereka tidak bersatu. Pola kehidupan social-politik mereka yang demikian ini mempermudah mereka merebut dan mengendalikan kuasa politik mereka dimanapun mereka berada. Hal ini terbukti dengan keberhasilan mereka menguasai kerajaan-kerajaan di Semenanjung Tanah Melayu dan diberbagai kerajaan di kepulauan sekitarnya. Banyak diantara mereka yang sangat berpengaruh dalam kehidupan sosial, perdagangan dan politik dirantau ini. Tulisan berikut menjelaskan;

Orang Bugis merupakan prajurit yang masyhur yang mahir mengolah guna keadaan ditempat yang mereka menetap. Merka mengamalkan susunan nilai ehwal politik yang berbeza daripada orang Melayu. Dan ini menjadi punca perbalahan apabila mereka berurusan dengan pemerintah Melayu. Dengan bilangan yang ramai, mahir berperang serta mempunyai jaringan hubungan kekeluargaan yang besar yang tersebar keseluruh nusantara, orang Bugis sering dapat menyelesaikan pertikaian politik yang memberi keuntungan kepada mereka. Mereka juga pandai berniaga dan berupaya melindungi kepentingan masyarakat mereka yang kebanyakan pedagang. Orang Bugis paham tentang keadaan di Johor-Riau dibawah pemerintahan yang baharu, lalu mereka mengambil kesempatan bagi mengukuhkan kedudukan mereka.¹⁷

Sejak tahun 1722, dalam kerajaan Johor-Riau, dapat difahami bahawa kuasa politik Sultan dan pembesar-pembesar Melayu sudah mulai berpindah ke kaum Bugis. Hal ini jelas terlihat dari struktur kuasa politik pentadbiran kerajaan Johor-Riau yang baru ditetapkan dalam tahun tersebut. Kejayaan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah I merebut takhta kerajaan Johor-Riau dari kuasa Raja Kecil harus dibayar mahal dengan kuasa politik pentadbiran yang harus dikongsi dengan kuasa Bugis yang semakin lama dirasai semakin mendominasi sehingga sultan dan pembesar Melayu seolah-olah tiada kuasa. Kelemahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah I yang tidak mampu bersikap tegas membuat pihak Bugis semakin menguasai hala tuju kerajaan. Hal ini terlihat mankala dalam membuat keputusan-keputusan penting tidak lagi sepenuhnya melibatkan menteri-menteri Melayu dan jamaah orang kaya yang sudah sedia wujud namun lebih berkiblat kepada keputusan pembesar Bugis. Hal ini semakin menimbulkan rasa tidak puas hati pembesar-pembesar Melayu. Konflik politik antara golongan

¹⁶ *Ibid.* hlm. 156.

¹⁷ Radin M. Fernando, *Mencari Kestabilan dan Pemeliharaan 1511-1824* .dalam Abdul Rahman Haji Ismai, *Malaysia Sejarah Kenegaraan dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007, hlm. 146.

Melayu dan Bugis dalam istana Johor-Riau semakin ketara selepas kemangkatan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah I.

Hubungan antara Sultan dan Yang Dipertuan Muda didalam istana digambarkan dalam hubungan kuasa yang tidak seimbang dan bahkan terbalik. Yang Dipertuan Muda telahpun mengendalikan kuasa pentadbiran dengan sangat dominan dan Sultan sebagai symbol kedaulatan dan kuasa Melayu tidaklah dapat berkuasa sebagaimana seharusnya sebagai sultan. Hal ini seperti yang terungkap dalam tulisan berikut;

“Dan lagi pula Yam Tuan Besar (sultan) jadi seperti perempuan saja, jika diberinya makan maka barulah makan ia. Dan Yam Tuan Muda (YDPM) jadi seperti laki-laki. Dan jika datang satu-satu hal atau apa-apa juga bicara, melainkan apa-apa kata Yam Tuan Muda”.¹⁸

Mengenai hal yang sama syair Permata melayu yang hilang menggambarkan sebagai berikut;

*Maka bermula, sejarah malang,
Yam Tuan Muda, siasahnya terbilang,
Pembesar Melayu, Martabatnya hilang,
Kecewa rasanya, sampai ketulang.*

*Duli Pertuan, berdiam diri,
Yam Tuan Muda, memerintah negeri,
Dengan semangat, berperi-peri,
Kuasa diagih, sesame sendiri.*

*Yam Tuan Muda, mengambil mudah,
Pembesar Melayu, dipandang rendah,
Aturan Melayu, tak ambil kisah,
Tidak peduli, benar dan salah.*

*Yam Tuan Muda, tak ikut adat,
Tamakkan kuasa, sampai mudarat,
Nasihat bendahara, tak ambil berat,
Tingkah Yam Tuan, melarat-larat.*

*Lebih sekurun, Yam Tuan perintah,
Warisan Melaka, menjadi goyah,
Bugis-Melayu, sering berbelah,
Dato' Mamanda, berkeluh kesah.*

*Perintah negeri, amanat Tuhan,
Telah sedia, adat dan aturan,
Pelihara rukun, zaman berzaman,
Bangsa Melayu, tetaplah aman.*

*Apalah malang, Yam Tuan berkuasa,
Adat Melayu, rosak binasa,
Pembesar Melayu, menjadi sisa,
Duli Pertuan, menjadi mangsa.¹⁹*

¹⁸ Ahmad Fawzi Basri, *Johor 1855-1917 Pentadbiran dan perkembangannya*, Peraling Jaya: Fajar Bakti, 1988, hlm. 3. Lihat juga Mardiana Nuridin, *Politik Kerajaan Johor*, Johor: Yayasan Warisan Johor, 2008, hlm. 59.

¹⁹ Tun Suzana Tun HJ Othman, *Institusi Bendahara: Permata Melayu yang Hilang*, Kuala Lumpur: Pustaka BSM Ent, 2002.

Dalam kutipan syair permata Melayu yang hilang ini, dengan jelas menggambarkan keadaan pada zaman itu. Perlantikan Daeng Marewah sebagai yang dipertuan Muda Johor-Riau yang pertama adalah kekeliruan terbesar Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah I karena ia membuka jalan yang luas bagi dominasi kuasa Bugis dan titik awal melemahnya kuasa sultan/kaum Melayu dalam memerintah kerajaan Johor- Riau. Kesempatan ini dimanfaatkan pihak Bugis (Lima Daeng bersaudara) untuk terlibat secara langsung dalam pentadbiran politik dan mengekalkan kedudukan mereka secara turun-temurun dalam kerajaan Johor-Riau sehingga ke kerajaan Riau-Lingga.

Daftar 1.1

Antara tahun 1699 hingga tahun 1819, 6 orang daripada Dinasti Bendahara telah menjadi sultan Johor-Riau²⁰

1. Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV	1699 – 1718
2. Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah (Raja Kecil Siak)*	1718 – 1722
3. Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah I	1722 – 1761
4. Sultan Abdul Jalil Muazzam Syah (Raja di Baroh)**	1760/61
5. Sultan Ahmad Riayat Syah	1761
6. Sultan Mahmud Syah III	1761 – 1812
7. Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah I***	1812 – 1819

Daftar 1.2.

Sultan–sultan yang memerintah kerajaan Riau-Lingga antara tahun 1819 hingga tahun 1911.²¹

1. Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah I	1819 – 1832
2. Sultan Mahammad Syah	1832 – 1842
3. Sultan Mahmud Muzzafar Syah	1842 – 1858
4. Sultan Sulaiman Badrul Alamsyah II	1858 – 1883
5. Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah II	1883 – 1911

²⁰ *Raja Kecil Siak bukan daripada Dinasti Bendahara.**Baginda tidak sempat mentadbir Kerajaan Johor kerana telah mangkat di Selangor sebelum pulang ke Johor.*** Pada tahun 1819 British menabai Tengku Husin (adik sultan Abdul Rahman Muazzam Syah I) menjadi sultan Johor-Singapura dengan gelar Sultan Husin Syah. Dengan demikian Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah I tidak lagi berkuasa atas Johor-Singapura dan hanya menjadi sultan kerajaan Riau-Lingga saja. Sultan Abdul Rahman muazzam Syah I merupakan Sultan Johor-Riau yang terakhir (1812-1819) dan merupakan Sultan Riau-Lingga yang pertama, 1819-1832). Diubah dan dianalisa dari R. Hamzah Yunus, *Peninggalan-peninggalan sejarah di Pulau Penyengat*, Pekanbaru: Unri Press untuk Yayasan Kebudayaan Indera Sakti Pulau Penyengat, 2003, hlm. 22.

²¹ Pada tahun 1819 Inggris mengangkat Tengku Husin (adik sultan Abdul Rahman Muazzam Syah I) menjadi sultan Johor-Singapura dengan gelar Sultan Husin Syah. Dengan pengangkatan ini maka Sultan Husin dan Inggris berkuasa atas Johor dan Singapura. Oleh kerana pengangkatan ini maka Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah I tidak lagi berkuasa atas Johor-Singapura dan hanya menjadi sultan kerajaan Riau-Lingga saja. Sultan Abdul Rahman muazzam Syah I (Sultan Riau-Lingga yang pertama, 1819-1832) inilah yang menjadi penting bagi memahami sultan kerajan Riau-Lingga dari awal hingga berakhir pada sultan Abdul Rahman Muazzam Syah II (1883-1911). Diubah dan dianalisadari R. Hamzah Yunus, *Peninggalan-peninggalan sejarah di Pulau Penyengat*, Pekanbaru: Unri Press untuk Yayasan Kebudayaan Indera Sakti Pulau Penyengat, 2003, hlm. 22.

Daftar 1.3

Senarai Yang Dipertuan Muda (YDPM)

Kerajaan Johor-Riau mulai dari yang pertama wujud iaitu pada tahun 1722 sehingga 1819²²

- | | |
|---------------------------------------|--------------------------|
| 1. Daeng Marewah (Kelana Jaya Putera) | (YDPM ke-1, 1722 – 1728) |
| 2. Daeng Chelak (Daeng Pali) | (YDPM ke-2, 1728 – 1745) |
| 3. Daeng Kemboja | (YDPM ke-3, 1745 – 1777) |
| 4. Raja Haji | (YDPM ke-4, 1777 – 1784) |
| 5. Raja Ali | (YDPM ke-5, 1784 – 1805) |
| 6. Raja Jaafar | (YDPM ke-6, 1805 – 1819) |

Daftar 1.4

Yang Dipertuan Muda (YDPM)

Kerajaan Riau-Lingga mulai dari yang pertama tahun 1819 sehingga yang terakhir tahun 1899²³

- | | |
|------------------------|--|
| 1. Raja Jaafar | (YDPM ke-1, 1819 – 1832) |
| 2. Raja Abdul Rahman | (YDPM ke-2, 1832 – 1844) |
| 3. Raja Ali | (YDPM ke-3 1844 – 1857) |
| 4. Raja Abdullah | (YDPM ke-4, 1857 – 1858) |
| 5. Raja Muhammad Yusuf | (YDPM yang terakhir ke-5, 1858 – 1899) |

E. Pemakzulan Sultan Mahmud Muzzafar Syah oleh Belanda (1857)

1. Penabalan sultan Mahmud Muzzafar Syah IV

Baginda bernama Tengku Mahmud, anak Sultan Muhammad Syah (1832-1841). Tengku Mahmud ditabal menjadi Sultan Riau-Lingga dengan gelar Sultan Mahmud Muzzafar Syah IV. Baginda ialah sultan Riau-Lingga yang ke-3.²⁴ Baginda dilantik

²² Tahun 1805-1819, Raja Jaafar menjabat sebagai YDPM Johor-Riau yang ke-6. pada tahun 1819 adik baginda Tengku Husin diangkat oleh Inggris sebagai Sultan Johor-Singapura dengan gelar Sultan Husin Syah. Peristiwa ini menunjukkan terpecahnya kerajaan Johor-Riau menjadi dua. Raja Jaafar tidak lagi berkuasa atas Johor –Singapura tapi hanya wilayah Riau-Lingga. berakhirlah kuasa YDPM atas Johor dan Singapura Sehingga Raja Jaafarlah sebagai YDPM kerajan Johor-Riau yang terakhir (1805-1819). Diubah dan dianalisa dari R. Hamzah Yunus, *Peninggalan-peninggalan sejarah di Pulau Penyengat*, Pekanbaru: Unri Press untuk Yayasan Kebudayaan Indera Sakti Pulau Penyengat, 2003, hlm. 23.

²³ Dengan pecahnya kerajan Johor-Riau menjadi dua kerajaan (Johor-Singapura dan Riau-Lingga) pada tahun 1891, dapat diketahui urutan YDPM kerajan Riau-Lingga seperti ini. Diubah dan dianalisa dari R. Hamzah Yunus, *Peninggalan-peninggalan sejarah di Pulau Penyengat*, Pekanbaru: Unri Press untuk Yayasan Kebudayaan Indera Sakti Pulau Penyengat, 2003, hlm. 23.

²⁴ Dalam buku-buku sejarah Riau-Lingga di Kepulauan Riau menulis susunan sultan Riau-Lingga menempatkan Sultan Mahmud Muzzafar Syah (1841-1857) sebagai Sultan Riau-Lingga ke-8. Hal ini karena penulisan urutan tersebut bermula dari Sultan Abdul Jalil Syah IV (1699-1718) yang difahami sebagai sultan Riau-Lingga, namun sebenarnya baginda Sultan Abdul Jalil Syah ialah Sultan Johor-Riau yang pertama. Pada masa pemerintahan Sultan Abdul Rahman Syah I terjadi pembagian kekuasaan dalam kerajaan Johor-Riau oleh British. Sultan Abdul Rahman menjadi Sultan Johor-Riau (1812-1819), kerana pada tahun 1819 British telah mengangkat Tengku Husin (Adik tiri Sultan Abdul Rahman) menjadi sultan Johor-Singapura dengan gelar sultan Husin Syah. Dengan demikian pada tahun 1819, Sultan Abdul Rahman syah I tidak lagi berkuasa atas Johor-Singapura namun hanya berkuasa atas wilayah kerajaan Riau-Lingga. hal ini berarti Sultan Abdul Rahman ialah sultan Riau-

menjadi Sultan Riau-Lingga ketika baginda masih kecil. pada saat pelantikan itu, ayahandanya Sultan Muhammad Syah masih dalam keadaan sehat dalam memerintah kerajaan Riau-Lingga. Pelantikan Tengku Mahmud sebagai sultan ini, dinukilkan dalam tulisan berikut,

“Maka apabila/Sultan Muhammad Syah/ sampai ke (negeri) Lingga maka musyawarahlah Baginda dengan (paduka ayahanda Datuk) Bendahara hendak mengkhatakan serta merajakan paduka anakanda baginda itu Tengku (Mahmud). Maka apabila sudah putus mufakatnya maka menyuruhlah Baginda (Sultan Muhammad) itu menjemput paduka ayahanda (baginda itu) Yang Dipertuan Muda (Raja Abd al-Rahman pun hendak datanglah) ke Lingga. Maka (apabila sudah hampir datang Yang Dipertuan Muda itu, maka) Baginda Sultan Muhammad pun memulailah (akan) pekerjaan betapa adat raja bekerja. Maka tiada berapa lamanya didalam pekerjaan itu, maka (apabila sampai waktu yang patutnya maka hendak dikhatan(kan)lah Tengku Mahmud itu (betapa adat istiadat raja-raja yang besar-besar berkhatan). Didalam tiada berapa antaranya maka baharulah Baginda (Sultan Muhammad Syah) serta (paduka ayahandanya) Datuk Bendahara mentabalkan paduka anakanda baginda Tengku Mahmud betapa adat istiadat mentabalkan raja-raja yang besar-besar (kemudian baharulah dikhatankan). Setelah selesai daripada itu maka Yang Dipertuan Muda Raja Abd al-Rahman pula mengerjakannya, hingga habis pekerjaan bertabal dan berkhatan itu adanya”.²⁵

Ketika Ayahandanya Sultan Muhammad wafat, maka Sultan Mahmud Muzzafar Syah secara otomatis meneruskan pemerintahan karena baginda telah dilantik semasa baginda masih kecil. Sultan Mahmud Muzzafar Syah IV memerintah negeri Riau-Lingga bersama Yang Dipertuan Muda Raja Ali. Pada masa pemerintahannya, *Tuhfat* menggambarkan kehidupan keseharian baginda yang berbeda dengan sultan-sultan sebelumnya, seperti yang dijelaskan dalam nukilan berikut,

“Kemudian dari pada itu ianya balik ke Lingga berbuat istana seperti rumah ((orang)) putih, indah-indah juga perbuatannya serta dengan besarnya. Maka belumlah pernah raja-raja yang di dalam (negeri) Lingga dan Riau memperbuat istana yang demikian itu serta cukup dengan alat perkakas yang indah-indah dan halus-halus serta ditaruhnya beberapa makanan orang putih minum-minuman didalam istana itu serta beberapa gambar(-gambar) pada dinding-dinding istana itu. Dan apabila ((orang)) putih seperti residen Riau (dan lainnya) maka diistana itulah diterimanya serta diperjamunya makan minum demikianlah halnya”.²⁶

2. Konflik dan Pemakzulan Sultan Mahmud Muzzafar Syah IV

Konflik Sultan Mahmud Muzzafar Syah IV dengan pihak istana (khususnya dengan keluarga Yang Dipertuan Muda) bermula setelah mangkatnya Yang Dipertuan Muda Raja Ali. Pada saat wafatnya Yang Dipertuan Muda Raja Ali di Pulau Penyengat (Riau), Sultan Mahmud Muzzafar Syah sedang berada di Daik, ibu kota kerajaan Riau-Lingga. Pemilihan Engku Haji muda (Raja Abdullah) untuk menjadi YDPM yang baru didasari atas beberapa alasan. Setidaknya ada empat alasan kuat mereka memilih Raja Abdullah. Dalam *Tuhfat* dinyatakan,

Lingga yang pertama (1819-1832). Lihat Mardiana Nordin, *Politik Kerajaan Johor*, Johor: Yayasan Warisan Johor, hlm. 24, 49 dan 56.

²⁵ Raja Ali Haji, *Tuhfat Al-Nafis Sejarah Melayu Islam*, Virginia Matheson Hooker, (ed.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991, hlm. 580-581.

²⁶ *Ibid.* hal. 618.

“Segala anak(-anak) raja (itu) serta orang tua-tua didalam Pulau Penyengat sudah putus azamnya, tiada lain yang patut melainkan Engku Haji Mudalah yang gantinya (yang patut akan Marhum Raja Ali) dengan beberapa sebab. **Pertama**, Engku Haji Muda itu sudah (memang) biasa didalam pekerjaan kerajaan (menggantikan paduka kakandanya al-Marhum Raja Ali). **Kedua**, ia ada mempunyai ‘lim pada pekerjaan hukumal-syariat dan adat (istiadat). **Ketiga**, jika ada lagi ia hadir tiada seseorang daripada anak raja-raja (yang) pangkat tua(-tua) dan (yang) pangkat muda(-muda) mau menjadi Yang Dipertuan Muda sehingga yang disukai oleh Sultan Mahmud (pun) tiada mau juga (selagi ada ia). **Keempat**, wakil geberment membetuli akan ijthid orang negeri Riau, serta (ia) memegang di dalam kontrak (perjanjian) pada fasal yang ketujuh, (digantungkan dengan syarat pada pekerjaan mendirikan Raja Muda itu. Jika patutpun pemilihan Sultan Lingga dan Riau sekalipun jika geberment Belanda tiada rela maka ia tiadalah boleh menjadi / raja/ melainkan Sultan Mahmud mengikut jua akan ajaran gebermen jua)...Maka dengan sebab empat perkara inilah residen memautatkan Engku Haji Muda (Raja Abdullah) itu juga akan ganti saudaranya (al-)Marhum Raja Ali itu serta minta segera (tentukan) daripada Sultan Mahmud supaya jangan / banyak/ pekerjaan negeri tersangkut. Maka didalam hal itu Sultan Mahmud tiada menghiraukan ijthid residen Riau (itu) serta segala isi negeri itu masih juga /ia/ hendak melakukan kehendak hatinya. Maka inilah asal menjadi pokok bersalah-salahan faham Sultan Mahmud dengan residen Riau serta dengan segala anak(-anak) raja dan orang (besar-besar dan orang) tua-tua (yang) di dalam Pulau Penyengat.”²⁷

Dalam hal pemakzulan Sultan Mahmud Muzzafar Syah, konflik tidak hanya terjadi antara residen Riau dengan Sultan Mahmud Muzzafar Syah semata, namun konflik/pertentangan itu juga terjadi antara Sultan Mahmud Muzzafar dengan pihak keluarga Yang Dipertuan Muda. Perselisihan ini terjadi karena sultan menolak untuk menunjukkan pengganti YDPM dan keinginan sultan yang hendak pergi ke Singapura. Keinginan Sultan untuk pergi ke Singapura ditentang pihak keluarga YDPM dan residen Riau yang menuntut sultan melakukan penunjukan YDPM terlebih dahulu. Namun, sultan tetap berkeras hendak ke Singapura, sehingga masalah ini semakin memburuk. *Tuhfat* menceritakan;

“Adapun Sultan Mahmud hendak bersegeralah /ia/ berlayar ke Singapura pada keesokan harinya. Maka residen pun menahan juga minta tentukan siapa-siapa (ia) yang ditentukan kerana orang(-orang) di dalam Pulau Penyengat di dalam kesakitan... Maka Sultan Mahmud pun tiada pedulikan juga tahanan residen Riau (itu) maka lalu ia berlayar ke Singapura (dengan sekunarnya)... Apabila belayar Sultan Mahmud itu maka kemaluan sahajalah residen Riau itu pada menahan Sultan Mahmud itu, kerana tiada dipedulikan oleh Sultan Mahmud. Maka aiblah pada adat istiadat orang besar-besar. Maka apabila aib residen (Riau) maka melaratlah pula (aib) kepada gebermen Belanda. Maka itu pun suatu pula yang melukakan hati gebermen Belanda serta malunya. Inilah pekerjaan dan perbuatan Sultan Mahmud menjadi perkara besar di belakangnya”.²⁸

²⁷ Raja Ali Haji, *Tuhfat Al-Nafis Sejarah Melayu Islam*, Virginia Matheson Hooker, (ed.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991, hlm. 622-623.

²⁸ *Ibid.* hlm. 652-653.

Dalam peristiwa perselisihan ini, dapat difahami bahwa kedudukan Yang Dipertuan Muda (pihak Bugis) menjadi sangat penting dan memiliki nilai yang besar bagi residen Riau. Hal ini semakin membuktikan bahawa sebenarnya kedudukan sultan (pihak Melayu) semakin lemah dan semakin dikuasai oleh YDMP (pihak Bugis) dalam kerajaan Riau-Lingga. Perkara kuasa Bugis yang lebih besar dalam kerajaan Riau-Lingga selalu menimbulkan konflik antara kaum Melayu dengan kaum Bugis yang dalam hal ini wujud dalam hubungan konflik Sultan-YDPM yang pernah berlaku sebelumnya.

Salah satu hal yang sangat jelas ialah mengenai uang hasil kerajaan Riau-Lingga yang semestinya menjadi uang kerajaan (Sultan) tetapi pada kenyataannya uang tersebut sepenuhnya milik YDPM. Hal ini telah diatur dan disepakati dalam perjanjian terdahulu antara pihak kerajaan dengan pihak residen Riau (gebermen Belanda). Hal ini tentu saja mengecilkan dan merendahkan martabat dan kedudukan sultan. Tuhfat dengan jelas menceritakan,

“Di dalam hal itu menyuruh pula Sultan Mahmud kepada residen Riau minta wang hasil-hasil Riau. Maka jawab residen itu,”wang hasil-hasil Riau sudah di perjanjikan di dalam kontrak (pada) fasal yang keenam belas itu, wang milik Raja Muda. Sekarang mana Yang Dipertuan Muda?. Tentukan lekas supaya wang itu (kita serahkan) kepadanya, seperti yang di dalam kontrak”. Syahadan apabila Sultan Mahmud mendengar jawab residen (demikian) itu, makin bertambah-tambahlah (marahnya)”²⁹

Kemaraha residen Riau terhadap sikap sultan, memaksa Komisaris Tuan Mejur Willim datang dari Betawi dan menyampaikan maksud kedatangannya kepada pihak kerajaan Riau-Lingga dan setelah menerima surat dari Engku Haji Muda (Raja Abdullah) yang menanggapi tindakan pemakzulan sultan oleh gobermen Belanda, maka komesaris Tuan Mejur Willim dan Tuan Pende Wal berlayar dengan kapal api menuju Singapura untuk menemui Sultan Mahmud Muzzafar Syah. Dalam Hal ini *Tuhfat* menjelaskan;

“Pada hari Arbaa (jam pukul tujuh), maka belayarliah komesaris (itu) serta satu lagi tuan orang putih yang alim ((pada)) ilmu bahasa Melayu namanya tuan) Pende Wal. (Maka belayarliah keduanya dengan satu kapal api perang nama Silibis) ke Singapura (maka) pergilah keduanya itu kepada gebernur Singapura. Kemudian pergi(lah) pula keduanya mencari Sultan Mahmud itu kesana kemari hingga sampai kerumah Temenggung tiada berjumpa. Kemudian dicarinya ke (rumah Karsaji di) Bukit, maka lalu berjumpa. Maka komesaris itu pun membacakan surat pelekat (yang) memecat Sultan Mahmud itu diturunkan daripada kerajaannya. Setelah Sultan Mahmud mendengar surat itu maka berubahlah mukanya sedikit. Maka komesarispun baliklah dan (Surat) Pelekat itu pun ditinggalkannya (kepada Sultan Mahmud itu) satu. Maka ia pun berlayarliah (balik) ke Riau, (malam itu juga ia sampai ke Riau)”³⁰

Setelah pemakzulan Sultan Mahmud Muzzafar Syah IV itu, Komisaris dan residen Riau segera meninggalkan Singapura dan kembali ke Riau. Pemakzulan ini menyebabkan kerajaan Riau-Lingga dalam keadaan tiada pemimpin (Sultan mahupun Yang Dipertuan Muda). Komisaris dan residen Riau segera menabal Engku Haji Muda (

²⁹ Raja Ali Haji, *Tuhfat Al-Nafis Sejarah Melayu Islam*, Virginia Matheson Hooker, (ed.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991, hlm. 624.

³⁰ *Ibid.* hlm. 629-630.

Raja Abdullah) sebagai Yang Dipertuan Muda Riau-Lingga untuk menggantikan almarhum YDPM Raja Ali. Raja Abdullah memang sejak awal disepakati oleh pihak keluarga dan residen Riau bagi menggantikan almarhum Raja Ali. *Tuhfat* menggambarkan pelantikan ini;

Keesokan harinya (iaitu pada malam Khamis jam pukul delapan), maka residen (Riau) serta komisarinya itu pun menyilakan Raja Abdullah Engku Haji Muda itu ke Tanjung Pinang, dihormati oleh residen (Riau) sebagaimana hormat Yang Dipertuan Muda. Kemudian (maka) berkatalah ia, “Tuan sultan sudah diturunkan daripada kerajaannya dan sekarang tiada di dalam Lingga dan Riau Yang Dipertuan Besar dan Yang Dipertuan Muda / dari menurunkan Baginda Sultan Mahmud itu bukan sekali-sekali dengan kehendak Yang Dipertuan Muda atau menteri-menterinya melainkan daripada gebermen Belanda kerana melanggar beberapa fasal daripada yang telah ditetapkan...Sekarang ini juga gebermen mengangkat(kan) Raja Abdullah menjadi Yang Dipertuan Muda memerintahkan kerajaan Riau (dan) Lingga dengan segala takluk daerahnya sebagaimana adat istiadat purbakala... Ini kita mau pergi ke Lingga bersama-sama Raja Abdullah Yang Dipertuan Muda untuk mencari yang patut kita jadikan raja daripada anak cucu Sultan Abd al-Rahman Syah di dalam negeri Lingga”.³¹

Segera setelah pelantikan Raja Abdullah sebagai Yang Dipertuan Muda Riau-Lingga, maka tugas YDPM Raja Abdullah ialah mencari pengganti Sultan Mahmud Muzafar Syah IV yang telah dimakzulkan Belanda. YDPM Raja Abdullah bersama komisarinya serta residen Riau berangkat ke ibu kota kerajaan Riau-Lingga di Daik untuk mencari keturunan yang berhak atas takhta sultan dan segera akan dilantik mejadi sultan kerajaan Riau-Lingga. Di Daik mereka bertemu dengan Tengku Sulaiman. *Tuhfat* menjelaskan perjalanan ke Daik Lingga dan penabalan Tengku Sulaiman sebagai Sultan seperti berikut;

Maka berlayar(lah) Yang Dipertuan Muda Raja Abdullah itu bersama-sama residen (Riau) serta komisarinya serta (tuan) Pende Wall ke Lingga (dengan kapal api itu juga). Maka apabila tiba ke Lingga maka naiklah Raja Abdullah berjumpa dengan Tengku Sulaiman (Timang-timangnya Tengku Muda) iaitu putera (al-)Marhum Sultan Abd al-Rahman (Syah) jadi ayah saudara kepada Sultan Mahmud yang sudah di turunkan daripada kerajaannya itu. Maka musyawarahlah Raja Sulaiman (Yang Dipertuan Muda) itu dengan Tengku Sulaiman, maka putuslah musyawarahnya itu. (Maka) maulah ia menggantikan anakandanya menjadi raja itu...maka diterimalah oleh komesaris serta residen (Riau) pemilihan Yang Dipertuan Muda itu. Maka (adalah) pada dua puluh satu hari bulan Safar maka diangkatlah oleh komesaris serta residen (Riau) serta Yang Dipertuan Muda Raja Abdullah akan Tengku Sulaiman itu menjadi raja (iaitu) Yang Dipertuan Besar Lingga dan Riau dengan segala takluk daerahnya bergelar Sultan Sulaiman Badr al- Alam Syah.³²

Berita penabalan Raja Abdullah sebagai YDPM dan Tengku Sulaiman sebagai Sultan Riau-Lingga dengan gelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah II sampai kepada Sultan Mahmud Muzzafar Syah IV yang baru saja tiba di Lingga dari Singapura. *Tuhfat* menjelaskan sikap Sultan Mahmud atas berita ini seperti berikut;

³¹ Raja Ali Haji, *Tuhfat Al-Nafis Sejarah Melayu Islam*, Virginia Matheson Hooker, (ed.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991, hlm. 630.

³² *Ibid*, hlm. 630-631.

Adapun Sultan Mahmud tatkala sudah balik komesaris yang memecat /ia/ itu, maka ia pun pergilah ke Lingga bersampan (panjang). Maka apabila sampai ia ke Lingga didengarnya ayahandanya sudah menjadi raja maka ia pun balik ke Singapura (ke Teluk Belanga). Apabila ia tiba ke Singapura maka menyuruh ambil bondanya Tengku Tih di negeri Lingga dibawanya ke Singapura ke Teluk Belanga, disewanya satu kapal api. Adapun yang pergi mengambilnya itu anak Temenggung Ibrahim perginya itu singgah ke Riau baliknya itu pun singgah juga ia di Riau berjumpa Yang Dipertuan Muda adanya".³³


Setelah kembali ke Singapura, Sultan Mahmud mengembara ke beberapa negeri di Semenanjung seperti Johor, Selangor, Pahang dan Siam. Sultan Mahmud Muzzafar Syah IV wafat di negeri Pahang dan dimakamkan di Pahang.³⁴

F. Pemakzulan Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah II oleh Belanda (Sultan Riau-Lingga yang Terakhir 1911)

Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah II memerintah kerajaan Riau-Lingga selama sekitar 28 tahun (1883-1911). Baginda dilantik menggantikan almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah II (1857-1883). Tahun 1883-1899, Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah II memerintah kerajaan Riau-Lingga bersama YDPM Raja Muhammad Yusuf (1858-1899). Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah II ialah anaknda YDPM Raja Muhammad Yusuf (Bugis) dan Tengku Ambong Fatimah (Melayu). Dari perspektif budaya Melayu yang patrilineal, hal ini membuktikan bahwa kerajaan Riau-Lingga telah terlepas dari kuasa Melayu dan telah sepenuhnya diperintah oleh Bugis. Hubungan Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah II dengan keluarga Bugis (YDPM) dan keluarga Melayu (Sultan) dapat dilihat dalam silsilah 1.1 dan 1.2 berikut ini.

Silsilah 1.1.

Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah II (Sultan Riau-Lingga yang terakhir, 1883-1911) dari garis keturunan YDPM/Bugis/Bapak




³³ *Ibid.* hlm. 632.

³⁴ *Ibid.*, hlm. 653.

Silsilah 1.2.

Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah (Sultan Riau-Lingga yang terakhir, 1883-1911) dari garis keturunan Sultan/Melayu/Ibu



Setelah Raja Muhammad Yusuf mangkat pada tahun 1899, Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah II, memerintah tanpa Yang Dipertuan Muda. Baginda tinggal di Daik-Lingga, sebagai ibu negeri Kerajaan Riau-Lingga. Setelah dimakzulkan Belanda pada Februari 1911, Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah II bersama sebagian keluarga dan kerabatnya meninggalkan Riau-Lingga (Pulau Penyengat) menuju Singapura. Di Singapura Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah II duduk di Jalan Seranggong – Batu 2,5, No.985 Singapura. Pada 28 September 1930, baginda mangkat dan dimakamkan di Bukit Radin Mas Ayu Teluk Belanga- Singapura.³⁵

G. Kesimpulan

Sejarah politik kerajaan Jojor-Riau dan Riau-Lingga menggambarkan telah terjadi hubungan antara suku Melayu dan suku Bugis dalam interaksi internal kerajaan. Sejarah politik menggambarkan bagaimana masuknya bugis dalam kuasa politik-pemerintahan kerajaan dengan menciptakan satu jabatan/posisi baru dan menduduki posisi tersebut secara turun temurun dengan kewenangan yang sangat besar, hampir

³⁵ Tengku Muhamad Fuad dan Tengku Abdul Rahman (cicit almarhum Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah II)

menyamai kewenangan sultan dan bahkan dalam beberapa hal terlihat dominasi YDPM dalam kerajaan. Interaksi politik-pemerintahan ini menimbulkan janji sumpah setia dan konflik diantar kedua belah pihak. Perkawinan campuran merupakan cara yang efektif untuk meredam konflik dan memepererat hubungan kedua belah pihak.

Perkawin antara Sultan Mahmud Syah yang memperistrikan Engku Hamidah-Bugis (adik YDPM Raja Jaafar) menunjukkan terjadi peleburan dua kebudayaan dari Suku Melayu dan Bugis yang memberikan warna baru dalam kehidupan politik, pemerintahan, ekonomi, sosial dan budaya dalam keluarga istana kerajaan Melayu dan rakyat pada umumnya. secara umum hubungan Melayu-Bugis dalam kerajan Johor-Riau dan Riau-Lingga telah menunjukkan terjadinya proses “pemelayuan”, namun dari perspektif budaya Melayu yang patrilineal dapat disimpulkan bahwa hubungan ini telah menyebabkan hilangnya kuasa pihak Melayu dalam istana dengan dilantiknya anak YDPM menjadi Sultan Riau-Lingga. Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah II anak YDPM Raja Muhammad Yusuf-Bugis dan ibunya Embung Fatimah-Melayu. Sehingga secara Patrilineal Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah II darah Melayunya lemah sehingga kedudukannya sebagai Sultanpun dapt dinilai lemah (lihat silsilah 1.1 dan silsilah 1.2). Sumpah setia dan konflik yang pernah terjadi antara pihak Melayu-Bugis untuk menguasai singasana kerajaan pada akhirnya lenyap ditangan Belanda pada tahun 1911. Kini, Sumpah setia, konflik dan proses “pemelayuan” itu tidak berbekas dalam politik-kekuasaan pemerintahan, namun sampai kapanpun akan tetap mengalir dalam nadi kehidupan sosial-budaya zuriat dan kerabat kerajaan Riau-Lingga di Kepulauan Riau.

Daftar Pustaka

- Abdullah, Taufik. (1985). *Ilmu Sejarah dan Historiografi Arah dan Prespektif*. Jakarta: Yayasan ilmu-ilmu sosial, Gramedia
- Adil, Buyong. (1974). *The History of Malaca During the Period of the Malay Sultanate*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran
- Ahmad, A. Samad. (1985). *Kerajaan Johor-Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka kemeterian pendidikan Malaysia
- Ahmad, Engku Haji. (2002). *Syair pelayaran Engku Puteri ke Lingga*. Pekanbaru : Dinas Kebudayaan, Kesenian dan Pariwisata Pemerintah Propinsi Riau
- Andaya, Leonard Y. (1987). *Kerajaan Johor 1641-1728*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka kementerian Pendidikan Malaysia
- Haji, Raja Ali. (2002). *Tuhfat al-Nafis sejarah Riau Lingga dan daerah takluknya 1699-1864*. Tanjungpinang: kerjasama Dinas Pariwisata Kabupaten Kepulauan Riau dengan Yayasan Khazanah Melayu Kepulauan Riau
- Haji, Raja Ali. (1991). *Tuhfat Al-Nafis Sejarah Melayu Islam*. Virginia Matheson Hooker, (ed.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia

- Ismail, Abdul Rahman Haji. (2007). *Malaysia Sejarah Kenegaraan dan Politik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Junus, RR. Hasan. (2002). *Engku Puteri Raja Hamidah Pemegang Regalia Kerajaan Johor-Riau*. Pekanbaru: Unri Press
- Lutfi, Muchtar. (1996). *Sejarah Riau mengenal dan mengenang kebesaran Lingga-Riau sebagai Pusat Kerajaan Melayu*. Pekanbaru: Unri Press
- Mahdini. (2003). *Raja dan Kerajaan dalam Kepustakaan Melayu*. Pekanbaru: Yayasan Pusaka Riau
- Nordin, Mardiana. (2008). *Politik Kerajaan Johor*. Johor: Yayasan Warisan Johor
- Noor, Mohd. Yusuf MD. (1984). *Salasilah Melayu dan Bugis*. Petaling Jaya: Fajar Bakti
- Othman, Tun Suzana Tun HJ. (2006). *Pertuanan Raja-Raja Melayu*. Media Satria SDN.BHD
- Othman, Tun Suzana Tun HJ. (2008). *Menjejak Warisan Melayu Islam Beraja*. Kuala Lumpur: Media Satria SDN.BHD
- Perret, Daniel. (1998). *Sejarah Johor-Riau-Lingga sehingga 1914 Sebuah Esei Bibliografi*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Pelancongan Malaysia
- Rajab. (2003). *Daik Bonda Tanah Melayu*. Pekanbaru: Unri Press
- Regnier, Philippe. (1992). *Singapura: City State In Southeast Asia*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co
- Resink. (1987). *Raja dan Kerajaan yang Merdeka di Indonesia antara 1850-1910 Enam tulisan terpilih*. Jakarta: Djembatan IKAPI
- Sujiman, Panuti. (1996). *Adat-Adat Raja Melayu*. Jakarta: Unipentaf Indonesia Press
- Sham, Abu Hassan. (1995). *Syair-Syair Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia
- Syahri, Aswandi; Murad, Raja. (2006). *Cogan Regalia Kerajaan Johor-Riau-Lingga dan Pahang*. Tanjungpinang: Dinas pariwisata seni dan budaya Provinsi Kepulauan Riau
- Syahri, Aswandi. (2009). *Kitab Silsilah Melayu dan Bugis dan Sekalian Raja-Rajanya*. Tanjungpinang: Dinas kebudayaan dan pariwisata Provinsi Kepulauan Riau
- Thaib, Muhammad. (1986). *Salasilah Melayu dan Bugis*.Tanjungpinang: Lembaga Adat Kepulauan Riau
- Yunus, R. Hamzah. (2003). *Peninggalan-peninggalan sejarah di Pulau Penyengat*. Pekanbaru: Unri Press untuk Yayasan Kebudayaan Indera Sakti Pulau Penyengat